

ثجابة ڤيقاره تانه دان گالين ترغڪانو.



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.
Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax. : 09-6229887
3100 – 3115



PTG. TR. G/05/1988/06/04 (16)

26 April 2006

30 R'Awal 1427

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
DUNGUN.

Pentadbir Tanah
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah
BESUT.

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
MARANG.

Pentadbir Tanah
SETIU.

Y. Bhg. Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL 1 / 2006

PANDUAN PELUPUSAN TANAH DI BAWAH DASAR TANAH HARAM

1. TUJUAN:

Tujuan pekeliling ini adalah bagi memaklumkan bahawa permohonan tanah haram yang baru telah dibuka bagi mereka yang merintah tanah sebelum 31.12.1990 dan hendaklah didaftarkan (dikemukakan) permohonannya tidak lewat pada 31.12.2006.

2. LATARBELAKANG:

Jawatankuasa Petroleum, Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri yang bermesyuarat pada 27 Disember 2005 telah bersetuju di buka semula permohonan di bawah dasar tanah haram yang baru.

Cadangan ini telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana kertas Majlis Mesyuarat Negeri Bil. 222G/2006 bertarikh 1 Mac 2006.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

Syarat-syarat dan tatacara memproses permohonan tanah haram di bawah Dasar Tanah Negeri Terengganu Kertas Mesyuarat Bil. 843/2004 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 23 November 2004 adalah diterima pakai dengan dibuat pindaan butiran 3.2.8.1 (a) (b) dan (c) kertas berkenaan dan digantikan/ditambahkan butiran berikut:-

- 3.1. Rakyat Negeri Terengganu atau mana-mana orang yang mendapat surat akuan menjadi rakyat Duli Yang Maha Mulia Raja Negeri Terengganu mengikut undang-undang Taraf Kebangsaan Negeri Terengganu Tahun 1952 (Undang-Undang Terengganu Bil. 3 Tahun 1952).
- 3.2. Berumur tidak kurang daripada 21 tahun.
- 3.3. Belum memiliki tanah permohonan (pemberian) kerajaan.
- 3.4. Tidak terlibat dengan rezab / perancangan kerajaan.
- 3.5. Rintahan sebelum 31.12.1990.
- 3.6. Didaktarkan (dikemukakan) permohonannya tidak lewat pada 31.12.2006.
- 3.7. Hendaklah memiliki tanaman lebih dari 15% dari isipadu tanaman mengikut keluasan rintahan dengan umur tanaman tidak kurang dari 15 tahun pada tarikh permohonan ditutup.

Jadual Isipadu Tanaman Sehektar

<u>Tanaman</u>	<u>Jumlah Isipadu</u>	<u>Isipadu Minima (15%)</u>
Getah	450 pokok	68 pokok
Kelapa Sawit	150 pokok	22 pokok
Kelapa Mawar	250 pokok	38 pokok
Kelapa Tinggi	140 pokok	21 pokok
Durian	88 pokok	13 pokok
Petai, Duku	80 pokok	12 pokok
Dokong, Cempedak		
Nangka dan Ciku		
Langsat dan Manggis	170 pokok	25 pokok
Mangga dan Rambutan	125 pokok	19 pokok
Limau Langkap	450 pokok	68 pokok

Sekiranya tanaman berbagai jenis campuran bilangan tanaman hendaklah tidak kurang dari 15% isipadu tanah yang direntah.

Bagi tanah yang mempunyai isipadu tanaman kurang dari 15% tetapi terdapat rumah di atasnya, ianya bolehlah ditimbang untuk tapak rumah atau pertanian bersesuaian dengan keluasan tanah yang direntah.

- (a) Telah menduduki rumah yang didirikan.
- (b) Pemohon hendaklah mengemukakan akuan sumpah mengenai tanah dan rentahan berkenaan.
- (c) Pertimbangan hanya diberi kepada pemilik-pemilik tanah haram yang asal atau pewaris yang berhak sahaja sekiranya ia telah meninggal dunia. Surat penolakan daripada waris-waris lain hendaklah disertakan semasa mengangkat permohonan.
- (d) Sekiranya pemohon bukan terdiri daripada pemilik asal atau telah memiliki tanah permohonan (pemberian) kerajaan tanah tersebut hendaklah dilelong.

3.8. Jenis Kegunaan Tanah:

Jenis kegunaan tanah adalah ditentukan mengikut peratusan tanaman yang tertinggi.

3.9. Harga Tanah:

- 3.9.1. Harga tanah ditetapkan 15% dari nilai semasa.
- 3.9.2. Sekiranya ditolak kepada waris harga tanah 25% dari nilai semasa.
- 3.9.3. Jika rentahan kurang daripada 15% luas tanah, harga tanah diputuskan oleh Jawatankuasa Tanah Daerah. (Mesti lebih daripada 10%).
- 3.9.4. Bagi tanah-tanah yang hendak dilelong dikenakan sekali ganda daripada harga tanah di atas.
- 3.9.5. Penurunan kuasa diberi kepada Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu untuk menimbang dan meluluskan rayuan mengurangkan kadar harga tanah berikut:-
 - 3.9.5.1. Boleh menimbang dan meluluskan rayuan setelah mendapat perakuan daripada Pentadbir Tanah dengan persetujuan Jawatankuasa Tanah Daerah.

3.10. Had Keluasan:

- | | | | |
|-----|--------------------|---|-------------------------|
| (a) | Getah/Kelapa Sawit | - | 2.5 hektar |
| (b) | Kelapa | - | 1 hektar |
| (c) | Padi | - | 1 hektar |
| (d) | Tapak Rumah | - | 0.100 hektar (1000 m.p) |
| (e) | Buah-buahan | - | 1 hektar |

3.11. Suratan Hakmilik:

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|------------------|
| a) | Bangunan (Tapak Rumah) | - | Pajakan 99 tahun |
| b) | Pertanian (semua jenis tanaman) | - | Pajakan 60 tahun |

3.12. Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan dan lain-lain syarat dikenakan seperti Arahan PTG. TR. 2/1996.

3.13. Tatacara Permohonan:

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Jadual 1 Peraturan Tanah Terengganu 1966 dengan mengemukakan bersekali surat akuan sumpah (contoh berkembar) dan pelan kedudukan tanah rintangan berkenaan ke Pejabat Tanah berkaitan tidak lewat pada **31.12.2006**.

**4. PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH DI BAWAH
DASAR PEMASTAUTIN TANPA HAK
(ARAHAH PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 6/2001)**

Semua baki permohonan berdasarkan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 6/2001 yang telah di terima oleh Pejabat-pejabat Tanah sebagaimana senarai di bawah hendaklah ditolak.

<u>BIL</u>	<u>DAERAH</u>	<u>JUMLAH PERMOHONAN</u>	<u>SELASAI</u>	<u>BAKI</u>
1.	Kuala Terengganu	30	1	29
2.	Besut	4656	1094	3562
3.	Kemaman	2828	417	2411
4.	Dungun	3470	230	3240
5.	Marang	3728	467	3261
6.	Hulu Terengganu	9377	450	8927
7.	Setiu	9036	882	8154
JUMLAH:		33125	3541	29584

5. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 6/2001 adalah dibatalkan.

Sekian.

“ ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL)

Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

s.k.

1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Terengganu.
2. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Khidmat Pengurusan)
3. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran)
4. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Kuatkuasa / Galian)
5. Penolong Pengarah Tanah dan Galian ((Tambahsentara)
6. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Ambil Balik/Hasil/Saguhati)
7. Pegawai Sistem Maklumat
8. Pegawai Eksécutif (Galian)
9. Pegawai Eksekutif (Pelupusan Tanah)
10. Pegawai Eksekutif (Pendaftaran)
11. Pegawai Kanan Petempatan.
12. Pembantu Tadbir Kanan (Pen/Kewangan)
13. Pembantu Tadbir Kanan (Pelupusan Tanah)
14. Fail Timbul

CONTOH

SURAT AKUAN

Saya _____ K/P: (Baru) _____

K/P: (Lama) _____ berumur _____ tahun

beralamat di _____

dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya;

1. Pada masa ini ada mengusahakan setempat tanah kerajaan sebagaimana maklumat berikut:-

i) Kawasan _____ di Mukim _____
Daerah _____ seluas lebih kurang _____ hektar.

- ii) Jenis tanaman yang terdapat di atas tanah tersebut adalah:-

Jenis Tanaman	Bil. Pokok	Umur Tanaman
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

- iii) Bangunan-bangunan yang ada di atas tanah adalah:-

Jenis Bangunan	Bil. Bangunan	Tarikh Dibina
1.		
2.		
3.		

iv) Tanah sedia yang telah saya dan suami/isteri miliki:-

No. Keterangan/ No. Lot	Mukim	Daerah	Luas	Jenis Penggunaan	Cara Diperolehi
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

2. Tanah ini telah dirintah oleh saya / _____

(nama peneroka terdahulu dan hubungannya
jika pemohon bukan peneroka asal)

sejak tahun _____.

3. Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut
didalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya]

diakui oleh yang tersebut namanya]

di atas iaitu _____]

di _____]

di Negeri Terengganu] (.....)

Pada ____ haribulan ____ 20____] No. K/P: _____

Di hadapan saya,

(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen,
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)